



JABATAN KERJA RAYA SABAH

Bangunan KKRS/JKR
Jalan Sembulan
88582 Kota Kinabalu
Tel.:088-244333, Faks.:088237234



Rujukan Tuan :
Rujukan Kami : JKR.STR:100-0(37)
Tarikh : 21 AUG 2026

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

YBhg. Datuk/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN PEMATUHAN SURAT PEKELILING KEMENTERIAN
KEWANGAN BIL.5/2021
PELAKSANAAN PENGGUNAAN KAD INDEN UNTUK SEMUA KENDERAAN
RINGAN KERAJAAN NEGERI**

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Untuk makluman, pihak kami mendapati masih terdapat kenderaan ringan Kerajaan Negeri yang mendapatkan bekalan bahan api di stesen minyak Jabatan Kerja Raya (JKR).
- ... 3. Bersama-sama ini disertakan Surat Pekeliling Kementerian Kewangan Bil.5/2021 bertarikh 22 Oktober 2021 untuk rujukan pihak YBhg.Datuk//Tuan/Puan. Sila ambil maklum bahawa stesen minyak JKR telah menamatkan operasi pembekalan bahan api bagi kenderaan ringan Kerajaan Negeri setelah pelaksanaan penggunaan Kad Inden dikuatkuasakan sepenuhnya. Walau bagaimanapun, stesen minyak JKR hanya akan beroperasi untuk pembekalan bahan api bagi fungsi selain daripada kenderaan ringan.
4. Justeru, kerjasama semua Ketua Jabatan adalah dipohon untuk memastikan perkara ini diberikan perhatian sewajarnya serta memastikan semua kenderaan ringan Kerajaan Negeri di bawah seliaan masing-masing menggunakan Kad Inden yang ditetapkan bagi mendapatkan bekalan bahan api.

...2/

“SABAH MAJU JAYA”

Get Things Done Right And On Time

Rujukan Kami : JKR.STR:100 -0 (31)

Tarikh : 21 AUG 2020

**PEMAKLUMAN PEMATUHAN SURAT PEKELILING KEMENTERIAN
KEWANGAN BIL.5/2021
PELAKSANAAN PENGGUNAAN KAD INDEN UNTUK SEMUA KENDERAAN
RINGAN KERAJAAN NEGERI**


5. Kerjasama dan komitmen pihak datuk/tuan/puan dalam memastikan pematuhan terhadap ketetapan yang telah ditetapkan amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,


(BAHARUDIN BIN K.K SOGON)
Pengarah Kerja Raya

 ZAB/FG/rm

s.k Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sabah
Tingkat 27, Blok A Menara Kinabalu
88400 KOTA KINABALU, SABAH.

Pengarah Audit Dalam Negeri Sabah,
Jabatan Audit Dalam Negeri Sabah,
Tingkat 7-11, Blok B, Wisma Tun Fuad Stephens,
Jalan Tuaran, Karamunsing,
88646 KOTA KINABALU, SABAH.

Kementerian Kewangan Negeri sabah,
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah,
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat,
88400 KOTA KINABALU, SABAH.

Ketua Penolong Pengarah,
Ibu Pejabat Cawangan Stor,
Jabatan Kerja Raya,
88200 PUTATAN, SABAH.

"SABAH MAJU JAYA"
Get Things Done Right And On Time



KEMENTERIAN KEWANGAN NEGERI SABAH
Blok C, Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Teluk Likas, Tanjung Lipat
88400 KOTA KINABALU
Sabah, Malaysia
Tel.: 088-368000 Faks: 088-213584
Website: www.mof.sabah.gov.my

Tel. : 088-368000
Bil. : KEW.100-4/4 Jld.9 (**24**)
Tarikh : **22** Oktober 2021

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Badan Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah Kecil

Y.Bhg. Datuk/Datin/Tuan/Puan,

SURAT PEKELILING KEMENTERIAN KEWANGAN BIL.5 / 2021
PELAKSANAAN PENGGUNAAN KAD INDEN UNTUK SEMUA KENDERAAN RINGAN KERAJAAN
NEGERI

Dengan hormatnya perkara di atas dirujuk.

2. Dimaklumkan bahawa Kerajaan Negeri telah memutuskan untuk melaksanakan pembekalan bahan api daripada syarikat swasta bagi kenderaan ringan melalui penggunaan kad inden bahan api untuk menggantikan pembekalan bahan api yang disenggarakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi semua Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah di seluruh Negeri Sabah.

3. Keputusan ini dilaksanakan untuk meningkatkan sistem penyampaian perkhidmatan agar lebih efektif dan efisien dengan jaringan stesen minyak yang lebih meluas dan masa perkhidmatan yang tidak terhad. Selaras dengan ini, Kerajaan telah melantik **Syarikat Petron Fuel International Sdn Bhd** sebagai pembekal rasmi bekalan bahan api untuk kenderaan ringan Kerajaan Negeri.

4. Bersama ini, dilampirkan **Garis Panduan Bekalan Bahan Api Bagi Kenderaan Kerajaan Negeri Sabah**, yang mana menjelaskan secara terperinci penggunaan Kad Inden dan keperluan serta tanggungjawab Pegawai Kenderaan bagi mengurus Kenderaan Kerajaan Negeri di setiap Kementerian/Jabatan/Pejabat Daerah.

2/...

“SABAH MAJU JAYA”




Rujukan : **KEW.100-4/4 Jld. 9 (24)**
Tarikh : **22. Oktober 2021**

5. Sila maklum bahawa stesen minyak JKR akan menamatkan operasi pembekalan bahan api bagi kenderaan ringan Kerajaan Negeri setelah peralihan kepada penggunaan Kad Inden dilaksanakan sepenuhnya. Stesen minyak JKR hanya akan beroperasi untuk pembekalan bahan api bagi fungsi selain daripada kenderaan ringan.
6. Sebarang kemusykilan berkaitan pekeling ini dan garis panduan tersebut hendaklah dirujuk kepada **Cawangan Kejuruteraan Automotif, Jabatan Kerja Raya** yang mana bertanggungjawab atas penyelarasan dan pemantauan perkara tersebut.
7. Pekeling ini hendaklah dibaca bersama-sama Pekeling Pengurusan Kenderaan Kerajaan Negeri Sabah rujukan JKM (S) 100-4/41 bertarikh 20 April 2020.
8. Surat pekeling ini berkuatkuasa mulai dari tarikh ia dikeluarkan. Ianya juga dipanjangkan untuk digunakan oleh Badan-Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan tertakluk kepada dasar/polisi dan kemampuan kewangan masing-masing.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATUK HAJI RUSDIN RIMAN C.A (M), FCPA(A), CPFA (UK))
Setiausaha Tetap

s.k.: (1) Setiausaha Kerajaan Negeri
Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri
Jabatan Ketua Menteri
Tingkat 28, Blok A
Pusat Pentadbiran Negeri Sabah
Jalan Sulaman, Teluk Likas
88400 KOTA KINABALU

"SABAH MAJU JAYA"